# PM nafi kos batal lebih tinggi daripada bina jambatan

UM- 17/6/2006

**Tak mungkin kos (membatalkan projek) lebih tinggi daripada membina jambatan itu. Anda cuba membuat andaian**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**
Perdana Menteri



**ABDULLAH Ahmad Badawi pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat tahunan Dewan Tertinggi Barisan Nasional di Dewan Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, semalam.**

**KUALA LUMPUR** 16 Jun – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menolak tanggapan kononnya kerajaan mengeluarkan perbelanjaan lebih tinggi membatalkan daripada membina sebuah jambatan bagi menggantikan Tambak Johor.

"Tak mungkin kos (membatalkan projek) lebih tinggi daripada membina jambatan itu. Anda cuba membuat andaian," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas laporan media baru- baru ini bahawa pembatalan projek jambatan akan menyebabkan kerajaan mengeluarkan kos RM1.12 bilion berbanding dengan kos sebenar membinanya sebanyak RM1.11 bilion.

Menurut laporan itu, kerajaan perlu mengeluarkan RM100 juta sebagai pampasan kepada kontraktor projek itu, Gerbang Perdana, RM470 juta untuk membina jalan bertingkat lapan lorong untuk dihubungkan ke Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin, premium tanah sebanyak RM380 juta yang dituntut oleh kerajaan Johor dan RM170 juta bagi kerja pembinaan awal.

"Saya mahu angka yang tepat. Ia tidak sepatutnya melebihi kos jambatan. Macam mana jadi begitu?" kata Abdullah kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional di sini.

Perdana Menteri berkata kerajaan belum membuat keputusan mengenai jumlah yang akan dibayar kepada Gerbang Perdana kerana "kita belum pasti berapa angkanya."

Berikutan keputusan kerajaan membatalkan projek itu, Gerbang Perdana menuntut pampasan sebanyak RM100 juta.

Baru-baru ini, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata walaupun syarikat itu meminta RM100 juta, kerajaan perlu membuat satu penilaian sebelum keputusan muktamad dicapai mengenai pampasan itu.

Abdullah berkata Rancangan Malaysia Kesembilan akan dilaksanakan dengan secepat mungkin untuk mencapai matlamat pembangunan dan memenuhi misi nasional dan Wawasan 2020.

Beliau juga berkata projek-projek yang dilaksanakan mesti memberi manfaat kepada rakyat.

"Pastikan bangunan yang dibina dapat berfungsi, memberi nikmat dan membawa perubahan dan kemajuan kepada kawasan di mana projek itu dilaksanakan," katanya.

**– Bernama**